

PERBAHASAN DR. FAḌAL ḤASAN ‘ABBAS

BERKENAAN KEDUDUKAN *AḤRUF SAB‘AH*

Mohd Farid Ravi Abdullah, Muhammad Aizat Syimir bin Rozani

ABSTRAK

Al-Quran adalah kitab terakhir yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW dan memiliki keistimewaan serta keutamaan yang tersendiri berbanding kitab-kitab sebelumnya. Salah satu kelebihan tersebut adalah diturunkan Al-Quran dalam tujuh huruf (*Aḥruf Sab‘ah*). Para ulama berbeza pendapat dalam memahami makna *Aḥruf Sab‘ah* dalam Al-Quran. Allah SWT telah memilih bahasa ‘arab dalam menurunkan Al-Quran al-Karīm, ini kerana satu-satunya bahasa yang unik dan luas maknanya berbanding dengan bahasa yang lain. Bahasa ‘arab sangat sinonim dengan kabilah yang memiliki pelbagai dialek yang membezakan antara satu suku dengan suku yang lain. Kefahaman yang salah tentang *aḥruf sab‘ah* akan menyebabkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat dan mendedahkan mereka kepada serangan pemikiran. Justeru, kajian ini menggunakan metode kualitatif kepustakaan untuk menganalisa teks. Hasil kajian mendapati bahawa *Aḥruf Sab‘ah* ialah tujuh dialek arab yang mengandungi aras tatabahasa ‘arab yang tinggi. Dapatan dari kajian ini membuktikan bahawa Dr. Faḍal Ḥasan ‘Abbas berpendirian *Aḥruf Sab‘ah* adalah tujuh dielek ‘arab yang tersohor dan tertinggi dari sudut penggunaannya dan dimaklumi oleh kabilah-kabilah ‘arab di *jazīrat al-‘Arābiyyah*. Juga kajian membuktikan bahawa Dr. Faḍal Ḥasan ‘Abbas berpendapat bahawa *Aḥruf Sab‘ah* tiada kaitannya dengan *qiraat sab‘ah*.

Kata kunci: Al-Quran, dialek, *Al-Aḥruf al-Sab‘ah*

THE DISCUSSION OF DR. FAḌAL ḤASAN ‘ABBAS REGARDING THE POSITION OF *AḤRUF SAB‘AH*

ABSTRACT

Al-Quran is the last book revealed by Allah SWT to the Messenger of Allah and has the distinctive privileges and priorities compared to previous books. One of the treasure is that the Al-Quran is revealed in seven letters (*Al-Aḥruf al-Sab‘ah*). Scholars differ in opinion on understanding the meaning of *al-Aḥruf al-Sab‘ah* that has been narrated by numerous hadith invigorating this field. Allah SWT has chosen the Arabic language to derive the Al-Quran al-Karīm, because it is the only language that is unique and wide of its language compared to other languages. The Arabic language is very synonymous with tribes of diverse dialects that distinguish between one tribe to another tribe. Hence, this study uses qualitative methods to analyze texts. The findings show that *Al-Aḥruf al-Sab‘ah* is the seven arabic dialect that includes high level Arabic grammar. It also proves that in the opinion of *Al-Aḥruf al-Sab‘ah*, Dr. Faḍal Ḥasan ‘Abbas considers it as the most prominent and the most often dialect used by the tribes in the Arabian Peninsula. The study also proves that in the opinion of *Al-Aḥruf al-Sab‘ah*, Dr. Faḍal Ḥasan ‘Abbas said that there is no such connection between *Al-Aḥruf al-Sab‘ah* and *qiraat sab‘ah*.

Keyword: Al-Quran, dialect, *Al-Aḥruf al-Sab‘ah*

1. PENGENALAN

Al-Quran sebagai kitab terakhir yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW memiliki keutamaan dan keistimewaan berbanding kitab-kitab sebelumnya. Salah satu keistimewaan tersebut adalah ianya diturunkan dalam tujuh huruf (*sab‘atu aḥruf*). Para ulama berbeza pendapat dalam menafsirkan makna tujuh huruf Al-Quran ini.

Al-Quran sebagai pedoman utama umat Islam, diturunkan dalam bahasa arab. Orang Arab sendiri memiliki beraneka dialek yang membezakan antara satu suku dengan suku lainnya. Setiap kabilah atau suku tersebut mempunyai irama tersendiri dalam mengucapkan kata-kata yang tidak dimiliki oleh kabilah lain. Apabila orang Arab berbeza dialek dalam mengungkapkan sesuatu, maka Al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah SAW menyempurnakan makna kemukjizatannya kerana merangkumi semua huruf dan wajah qiraat pilihan diantara dialek-dialek Arab tersebut.

Bangsa arab mempunyai lajha (dialek) yang pelbagai antara satu kabilah dengan kabilah yang lain, baik dari segi intonasi, bunyi mahupun hurufnya. Namun bahasa *Quraysh* mempunyai kelebihan dan keistimewaan tersendiri, ia lebih tinggi daripada bahasa dan dialek yang lainnya. Oleh itu, wajarlah Al-Quran pada lajha pertama diturunkan adalah dalam bahasa *Quraysh* kepada seorang Rasul yang *Quraysh* pula. Dengan kata lain, bahasa *Quraysh* dalam Al-Quran lebih dominan diantara bahasa-bahasa arab lainnya. Antara lain, kerana orang *Quraysh* berdampingan dengan Baitullah, menjadi pengabdikan dalam urusan haji dan tempat persinggahan dalam perdagangan dan lain-lainnya. Justeru, dialek *Quraysh* diketahui umum dan tersebar luas.

Dr. Faḍal Ḥasan ‘Abbas merupakan seorang alim yang buta dan pakar dalam bidang tafsir, secara khususnya bidang *Ijāz Al-Quran* (kemukjizatan Al-Quran). Beliau merupakan bekas pensyarah bahagian Usuluddin di Fakulti Syariah *University of Jordan*. Penulisan ini akan mengetengahkan pandangan beliau dan mengkaji pendekatan beliau tentang perbahasan *Aḥruf Sab‘ah*.

2. PENENTUAN DEFINISI DAN PERBAHASAN DIKALANGAN ILMUAN

Aḥruf Sab‘ah terdiri daripada gabungan dua perkataan iaitu *Aḥruf* dan *Sab‘ah*. *Aḥruf* merupakan kata *jama‘* حرف yang secara literal bermaksud perkataan dan *sab‘ah* pula bermaksud tujuh. Para ulama telah membahaskan pengertian sebenar *sab‘ah* kerana orang arab adakalanya menggunakan *sab‘ah* untuk menggambarkan banyak, hebat dan mulia.

Kebanyakan para ilmuan Islam berpandangan yang dimaksudkan dengan *Aḥruf Sab‘ah* adalah ‘tujuh dialek’ namun pada hakikatnya, membawa makna bilangan, tidak berkurang dan bertambah. Mereka bersandarkan kepada dalil bahawa Nabi Muhammad SAW adalah seorang nabi yang prihatin akan umatnya sepertimana firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah ayat 128-129 yang berbunyi:

﴿لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ۝١٢٨ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ۝١٢٩﴾

Maksudnya: «Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang

kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman (128) Kemudian jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah (wahai Muhammad): "cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memeliharaiku), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; kepadaNya aku berserah diri, dan Dia lah yang mempunyai Arasy yang besar." (129)»

[At-Tauba: 128-129]

Juga berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang meminta kemudahan kepada Malaikat Jibril AS supaya diberi keringanan sehingga dialek itu bertambah menjadi tujuh dialek seperti yang diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam sahihnya:

عَنْ أَبِي بِنِ كَعْبٍ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ عِنْدَ أَضَاةِ بَنِي غِفَارٍ، قَالَ : فَأَتَاهُ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ، فَقَالَ : إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكَ أَنْ تَقْرَأَ أُمَّتَكَ الْقُرْآنَ عَلَى حَرْفٍ، فَقَالَ : أَسْأَلُ اللَّهَ مُعَافَاتَهُ وَمَغْفِرَتَهُ، وَإِنَّ أُمَّتِي لَا تُطِيقُ ذَلِكَ، ثُمَّ أَتَاهُ الثَّانِيَةَ، فَقَالَ : إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكَ أَنْ تَقْرَأَ أُمَّتَكَ الْقُرْآنَ عَلَى حَرْفَيْنِ، فَقَالَ : أَسْأَلُ اللَّهَ مُعَافَاتَهُ وَمَغْفِرَتَهُ، وَإِنَّ أُمَّتِي لَا تُطِيقُ ذَلِكَ، ثُمَّ جَاءَهُ الثَّلَاثَةَ، فَقَالَ : إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكَ أَنْ تَقْرَأَ أُمَّتَكَ الْقُرْآنَ عَلَى ثَلَاثَةِ أَحْرُفٍ، فَقَالَ : أَسْأَلُ اللَّهَ مُعَافَاتَهُ وَمَغْفِرَتَهُ، وَإِنَّ أُمَّتِي لَا تُطِيقُ ذَلِكَ، ثُمَّ جَاءَهُ الرَّابِعَةَ، فَقَالَ : إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكَ أَنْ تَقْرَأَ أُمَّتَكَ الْقُرْآنَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرُفٍ، فَأَبَى حَرْفٍ قَرَأُوا عَلَيْهِ فَقَدْ أَصَابُوا.

Maksudnya: “Ketika Rasulullah SAW berada di mata air Bani Ghifar, Jibril AS datang kepadanya seraya berkata: Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan kamu mengajar Al-Quran kepada umatmu dengan satu huruf (bentuk dan kaedah). Baginda bersabda: Aku memohon kesejahteraan dan keampunanNya, sesungguhnya umatku tidak mampu. Kemudian datang Jibril kali kedua dan berkata: Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan kamu mengajar Al-Quran kepada umatmu dengan dua huruf, baginda bersabda: Aku memohon kesejahteraan dan keampunanNya, sesungguhnya umatku tidak mampu. Sehingga datang kali ketiga dan kali terakhirnya iaitu yang keempat Jibril AS berkata: Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan kamu mengajar al-Quran kepada umatmu dengan tujuh huruf dan mana huruf yang mereka baca sesungguhnya ia adalah betul dan tepat.”

(HR. Muslim, Kitab *Ṣolat al-Musāfirin Wa Qaṣruhā*, Bab *Bayān Anna Al-Quran ‘ala Sab‘ati Ahṛuf Wa Bayān Ma‘nah*)

Namun sebahagian ulama seperti al-Qāḍī 'Iyāḍ dan sebahagian para imam berpandangan bahawa bilangan ini bukan pada hakikatnya. Sungguhpun begitu, Dr. Faḍal Ḥasan berpandangan bahawa bilangan ini adalah pada hakikatnya. Hal ini berdasarkan beberapa dalil yang menguatkan penggunaan perkataan tujuh dalam Al-Quran dan hadis.

Dr. Faḍal Ḥasan 'Abbas (1997) memberikan perhatian istimewa pada perbahasan *Aḥruf Sab'ah* sehingga beliau menyatakan “Ianya adalah topik yang paling besar dibandingkan dengan topik ulum Al-Quran yang lain”. Selain itu, beliau telah mendahulukan perbahasan definisi pada permulaan penulisan beliau tentang *Aḥruf Sab'ah*. Hal ini kerana para ilmuan Islam telah berbeza pandangan tentang pengertian *Aḥruf Sab'ah* yang terdapat pada Al-Quran. Punca perbezaan ini adalah tidak ada sebarang *naṣ* atau *athar* yang menetapkan definisi ini sepertimana yang dinyatakan oleh Ibn 'Arabī (2003) di dalam kitabnya: *Aḥkām Al-Quran*. Hadis-hadis yang diriwayatkan tentang perkara ini biarpun dengan jumlahnya yang banyak telah membawa makna *mujmalah* iaitu tidak terperinci. Oleh itu, para ulama telah berijtihad dalam menentukan maknanya maka berlakulah perselisihan pendapat.

Ulama telah berbeza pandangan pada definisi ini sehingga 35 pandangan, manakala Imam al-Suyūṭī (2008) telah menyatakan bahkan sehingga 40 pandangan. Penulisan ini akan membahaskan pandangan yang terpilih sahaja supaya pembaca boleh mendapatkan faedah sebaiknya.

- i. Pandangan pertama: *Aḥruf Sab'ah* ialah tujuh dialek daripada tujuh dialek arab yang terkenal, kalimah yang satu tetapi berbeza lafaz dan membawa makna yang sama, tidak saling bertentangan. Sebagai contoh perkataan: تعال، أقبِل، إلى، نحوي. Kesemuanya perkataan yang berbeza pada lafaz tetapi membawa maksud yang sama iaitu meminta kehadiran. Pandangan ini merupakan pandangan jumhur ahli fiqh dan hadis seperti Ibn Wahab, al-Ṭaḥāwī dan al-Ṭabarī sepertimana yang dinyatakan al-Zarkashī dan Ibn 'Abd al-Barr (2009). Shaykh Ṭahir al-Jazā'irī (1992) pula menisbahkan pandangan ini kepada pandangan majoriti ilmuan.
- ii. Pandangan kedua: Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam tujuh dialek yang berbeza: sebahagiannya dialek *Quraysh*, adakalanya dialek *Hudzayl*, dialek *Hawazin*, *Thaqīf*, *Kinānah*, *Tamīm*, dan *Yaman*. Kesemuanya tersusun sehingga merangkumi ketujuh-tujuh dialek. Pandangan ini dinisbahkan kepada Abu 'Ubayd dan Ahmad Ibn Yahya (Tha'lab). Pandangan ini berbeza dengan pandangan sebelumnya

yang menyatakan kesemua *Aḥruf Sab‘ah* dialek yang berbeza pada kalimah yang satu dengan mengandungi makna yang sama. Telah berkata Ibn ‘Aṭīyah (2010): “Yang dimaksudkan dengan sabda Nabi bahawa Al-Quran diturunkan dalam tujuh huruf ialah ianya tujuh kabilah yang dengan bahasa mereka Al-Quran diturunkan. Pada suatu tempat dengan dialek Quraysh, satu tempat yang lain dengan dialek Huzail dan seterusnya”.

- iii. Pandangan ketiga: *Aḥruf Sab‘ah* bererti jenis yang terjadi padanya perbezaan. Ulama yang menyatakan pandangan ini telah mengasimilasi jenis perbezaan yang terdapat diantara qiraat-qiraat dan menyatakan ia mempunyai tujuh perbezaan. Pandangan ini telah dikemukakan oleh sekumpulan alim ulama antaranya: Ibn Qutaybah, Muḥammad Ibn al-Haitham, al-Bāqillānī, Abu al-Faḍl al-Rāzī dan Ibn Jazarī. Pandangan ini merupakan pandangan yang rajih (terpilih) pada jumbuh Qurra’ disebabkan pengaruh Ibn Qutaybah dalam bidang ini. Kesemua lima sarjana Islam ini telah berbeza dalam penetapan jenis perbezaan ini. Namun kami bawakan pandangan contoh Ibn Qutaybah dan Muḥammad Ibn al-Haitham supaya kita dapat memahami konteks pengertian ini.

Ibn Qutaybah (2010) berpandangan *Aḥruf Sab‘ah* bermaksud tujuh sudut perbezaan pada kalimah tersebut. Perbezaan tersebut ialah:

- i. Perbezaan pada *i‘rab* atau kedudukan tatabahasanya pada kalimah atau harakat (baris) yang tidak menafikan gambaran yang dibawa dan tidak menukar makna.
- ii. Perbezaan pada *i‘rab* atau kedudukan tatabahasanya pada kalimah atau harakat asalnya yang tidak menafikan gambaran yang dibawa tetapi menukar makna.
- iii. Perbezaan pada huruf perkataan bukan pada kedudukan tatabahasa kalimah, yang membawa kepada perubahan makna dan tidak menafikan gambaran. Contohnya pada al-Baqarah ayat 259: *ننشرها* dan *ننشرها*.
- iv. Pada perkataan yang merubah gambaran tetapi tidak merubah makna.
- v. Pada perkataan yang merubah gambaran dan maknanya.
- vi. Pada *taqdīm* (pengawalan) dan *ta’khīr* (pengakhiran).
- vii. Pada *ziyādah* (penambahan) dan *naqṣ* (pengurangan).

Manakala bagi Muḥammad Ibn al-Haitham beliau berpandangan sisi perbezaan tersebut dari sudut berikut:

- i. Gantian perkataan dengan perkataan yang lain. Contohnya perkataan *هوت* (ikan paus) dan *سمك* (ikan). Hal ini kerana sesetengah kabilah tidak menyebut *هوت* bahkan hanya menggunakan perkataan *سمك* bagi merujuk kepada ikan.
- ii. Gantian abjad dengan abjad.
- iii. Pada *taqdīm* (pengawalan) dan *ta'khīr* (pengakhiran).
- iv. Pada ziyādah (penambahan) dan *naqṣ* (pengurangan).
- v. Perbezaan *ḥarakāt* (baris) asal perkataan. Contohnya sebahagian arab dalam menjawab pertanyaan menggunakan *نعم* dan sebahagian lagi *نعيم*.
- vi. Perbezaan pada kedudukan tatabahasa sesuatu perkataan.
- vii. Pada perbezaan keadaan sebutan sama ada *tarqīq* (menipiskannya) ataupun *tafkhīm* (menebalkannya).

Dr. Faḍl Ḥasan 'Abbas berpandangan pendapat yang lebih dekat dengan makna hadis Nabi Muḥammad SAW adalah pandangan Ibn Jarīr al-Ṭabarī dan kebanyakan ulama tahqīq iaitu: *Aḥruf Sab'ah* ialah tujuh dialek yang sama pada makna, berbeza pada lafaz. Oleh itu, beliau lebih cenderung kepada pandangan pertama.

Hujah beliau, pada pengertian ini lebih menzahirkan makna memudahkan, iaitu tidak dibebani sesebuah kaum untuk membaca dengan bukan dari bahasanya. Namun tidak difahami hikmah ini secara umumnya, tetapi berdasarkan ajaran daripada Nabi SAW. Di samping itu, apa yang dilakukan oleh 'Uthmān RA menepati pandangan ini. Sesungguhnya nabi tidak mengajar kesemua *Aḥruf Sab'ah*. Oleh itu, 'Uthmān RA tidak menulis Al-Quran dengan *Aḥruf Sab'ah* bahkan hanya menurut lahjah Qurayshi.

Pada perbahasan tema ini, Dr. Faḍl Ḥasan 'Abbas telah mendahulukan kupasan definisi terlebih dahulu. Definisi ini telah dirungkai secara bahasa dan istilah. Beliau kerap mendahulukan pandangan yang beliau rasakan paling tepat terlebih dahulu diikuti pandangan yang lain tanpa sebarang diskriminasi. Setiap pandangan disertakan bersama hujah mereka sehingga pembaca dapat memahami punca perbezaan. Namun pada penentuan definisi tidak disertakan hujah dalam kertas kerja ini bagi memudahkan pembaca. Jika dirasakannya perlu, beliau akan

menjawab pandangan yang menyanggahi pegangan beliau sebelum bergerak ke pandangan seterusnya. Bahasa yang digunakannya juga ringan dan tersusun bagi memacu perbahasan dan memudahkan pembaca. Oleh itu, ditetapkan pandangan yang dipilih sebelum bergerak ke perbahasan seterusnya supaya ia kekal berfokus.

3. PENSABITAN AḤRUF SAB‘AH

Dr. Faḍl Ḥasan ‘Abbas telah membawakan bukti pensabitan *Aḥruf Sab‘ah* supaya kupasan karya beliau selepas ini kekal berfokus dan tuntas. Ini terbukti apabila beliau telah menaqqalkan sebilangan hadis dan kata-kata alim ulama tentang pensabitan ini. Beliau telah menyatakan antaranya:

Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dalam sahihnya, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَقْرَأَنِي جِبْرِيْلُ عَلَى حَرْفٍ، فَرَجَعْتُهُ، فَلَمْ أَزَلْ أُسْتَزِيدُهُ حَتَّى انْتَهَى إِلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ

Maksudnya: “*Jibril membacakan kepadaku Al-Quran, maka aku pun mengulanginya. Tidaklah aku berhenti meminta tambah wajah bacaan sehingga ia menjadi tujuh*”

(HR. Bukhārī, Kitab *Faḍā’il Al-Quran*, Bab *Kātib al-Nabī*, No. 4991)

Juga diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أَنْزَلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ فَأَقْرَأُوا مَا تيسَّرَ مِنْهُ.

Maksudnya: “*Sesungguhnya Al-Quran ini diturunkan atas tujuh huruf, maka bacalah kamu mana yang mudah daripadanya.*”

(HR al-Tirmīzī, Kitab *al-Qirā’ah*, Bab *Mā Jā’a Anzala Al-Quran ‘Ala Sab‘ati Aḥruf*, No. 2943, Hadis Sahih)

Hadis tentang pensabitan *Aḥruf Sab‘ah* telah diriwayatkan secara *mutawātir* iaitu hadis yang memiliki banyak sanad dan mustahil perawinya berdusta atas Nabi Muhammad SAW, disebabkan hadis itu diriwayatkan oleh perawi yang ramai dan disampaikan kepada ramai orang juga (Mannā‘ al-Qaṭṭān, 1992). Imam Ibn al-Jazarī (2000) berkata: “Telah dinaskan oleh Imam al-Kabīr Abu ‘Ubayd al-Qāsim bahawa hadis tentang ini adalah mutawatir daripada Nabi SAW”. Sesungguhnya hadis ini telah diriwayatkan oleh sahabat yang pelbagai dan dengan jalan yang banyak.

Riwayat-riwayat ini menunjukkan kedudukan mutawatir hadis beserta telah disaksikan oleh sebahagian besar golongan yang dipercayai bebas daripada penipuan, telah mendengar hadis daripada baginda Rasul SAW dan mutawatir ini tidak sekadar pada era sahabat, bahkan pada era selepas mereka sepertimana yang dinyatakan oleh al-Suyūṭī daripada Abu 'Ubayd.

Diriwayatkan juga oleh Ubay ibn Ka'ab:

كُنْتُ فِي الْمَسْجِدِ . فَدَخَلَ رَجُلٌ يُصَلِّي . فَقَرَأَ قِرَاءَةً أَنْكَرْتُهَا عَلَيْهِ . ثُمَّ دَخَلَ آخَرُ . فَقَرَأَ قِرَاءَةً سِوَى قِرَاءَةِ صَاحِبِهِ . فَلَمَّا قَضَيْنَا الصَّلَاةَ دَخَلْنَا جَمِيعًا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ . فَقُلْتُ: إِنَّ هَذَا قَرَأَ قِرَاءَةً أَنْكَرْتُهَا عَلَيْهِ . وَدَخَلَ آخَرُ فَقَرَأَ سِوَى قِرَاءَةِ صَاحِبِهِ . فَأَمَرَهُمَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فَقَرَأَا . فَحَسَّنَ النَّبِيُّ ﷺ شَأْنَهُمَا . فَسَقَطَ فِي نَفْسِي مِنَ التَّكْذِيبِ . وَلَا إِذْ كُنْتُ فِي الْجَاهِلِيَّةِ .

Maksudnya: “Pada suatu hari ketika aku berada di masjid, masuk seorang lelaki kemudian dia solat. Lelaki ini membaca Al-Quran yang aku rasakan ia tidak betul. Kemudian masuk lelaki yang lain dan membaca Al-Quran sepertimana lelaki pertama itu. Selepas selesai solat kami pergi menemui Rasulullah SAW seraya aku berkata: “Bacaan lelaki ini aku rasakan salah” kemudian datanglah lelaki yang kedua dan dia membacakan bacaannya di hadapan Rasulullah SAW. Baginda kemudian meminta kedua-dua lelaki itu membacakan dan baginda membenarkan kedua-dua bacaan tersebut. Ketika itu, ketahuilah aku akan kebenarannya jika tidak nescaya aku dalam keadaan jahil.”

(HR Muslim, Kitab *Solāt al-Musāfirīn wa Qaṣruhā*, Bab *Bayān Anna Al-Quran 'ala Sab'ati Aḥruf wa Bayān Ma'nahā*, No:820)

Secara tuntas, perihal pensabitan *Aḥruf Sab'ah* bukanlah topik yang menimbulkan polemik kerana riwayat yang mutawatir tentang perkara ini. *Aḥruf Sab'ah* bukanlah perkara ijtihad tetapi ianya sabit daripada Nabi Muhammad SAW. Sungguhpun begitu, Dr. Faḍl Ḥasan 'Abbas telah membawa riwayat berkaitan serta pandangan ulama dengan banyak seolah-olah tidak meninggalkan sebarang ruang bagi pembaca untuk menyanggahi pensabitan. Riwayat dan pendapat yang diketengahkan ini juga seolah-olah memberi petunjuk topik yang akan dibahas pada bab seterusnya.

4. ADAKAH PENULISAN MUSHAF 'UTHMĀNĪ MERANGKUMI AḤRUF SAB'AH?

Imam al-Ṭabarī, al-Ṭahawī, al-Ḥarīth, Abu 'Amru al-Dānī dan Ibn Hibban (1402H) berpandangan Saidina 'Uthmān RA memerintahkan kesemua empat individu yang bertanggungjawab mengumpul mushaf untuk menulis Al-Quran dalam satu lajhah sahaja iaitu lajhah *Quraysh*. Pada zaman itu telah berlaku pertelingkahan dan perselisihan, mengkafirkan dan memulau sebahagian pihak yang lain disebabkan bacaan Al-Quran. Sehubungan dengan itu, rakyat ketika itu meninggalkan dialek yang lain kerana taat pada perintah khalifah.

Telah berkata, Abu 'Amru al-Dānī (2010): “Ketika zaman pemerintahan 'Uthmān RA berlaku pertelingkahan antara penduduk Iraq dan penduduk Syam pada bacaan, maka sebahagian sahabat berpandangan untuk dikumpulkan dalam satu dialek sahaja, diasingkan yang selainnya. Hal ini atas asas umat tidak difardhukan untuk mengusasi kesemua tujuh lajhah”.

Perkara yang sama telah diutarakan oleh Ibn 'Abd al-Barr (2010): “Maka telah jelaslah *Aḥruf Sab'ah* ini hanyalah ketika waktu yang khusus baginya, kemudian darurat ini tidak kekal maka begitu juga bagi bacaan lajhah yang tujuh ini. Dengan itu, kembali lah Al-Quran kepada bacaan yang satu (bacaan *Quraysh*).

Pandangan Kedua: mereka berpandangan mushaf 'Uthmānī ini adalah merangkumi kesemua tujuh lajhah. Ini merupakan pandangan sebahagian fuqaha', para qari dan ulama kalam. Telah berkata al-Qāḍī Abu Bakar al-Bāqilānī (2008): “Yang sahinya pada *Aḥruf Sab'ah* ini ianya daripada Rasul SAW dan telah diteguhkan oleh umat Islam yang selepasnya dan telah disabitkan oleh 'Uthmān RA pada mushaf”.

Hujah mereka adalah umat Islam tidak boleh meninggalkan pewarisan *Aḥruf Sab'ah* yang telah sabit daripada Nabi SAW. Selain itu, para sahabat telah bersepakat mushaf 'Uthmānī diambil dari mushaf yang ditulis Abu Bakar dan 'Umar RA. Seterusnya mushaf ini dihantar ke seluruh pelusuk dunia sebagai rujukan. Maka tidak harus tulisan ini hanya pada lajhah yang satu dan meninggalkan sebahagian daripada Al-Quran.

Pandangan Ketiga: Juhur ulama salaf dan khalaf dan para pemimpin Islam: bahawa mushaf 'Uthmānī mengandungi penulisan daripada kesemua tujuh dialek, mengumpul penyampaian akhir daripada Jibril AS kepada Nabi SAW, tidak meninggalkan satu huruf pun daripadanya.

Pandangan ini merupakan pandangan Abu ‘Abbas al-Mahdawī, Makkī Ibn Abū Ṭālib dan Ibn al-Jazārī.

Telah berkata Makkī: “Mushaf ini pada asalnya ditulis dalam lajha yang satu, tetapi penulisan itu membolehkan dinisbahkan kepada dialek yang lain kerana tidak bertitik dan tidak didhabitkan (dibariskan) maka keberangkalian itu terus ada pada 6 lajha yang berbaki.

Telah berkata Ibn al-Jazārī (2000): “Pandangan ini merupakan pandangan yang terzahir kebenarannya kerana hadis sahih dan *athar* yang masyhur menyatakan pembuktian tentang perkara ini”

Dr. Faḍal berpandangan bahawasanya adalah perkara yang tidak wajar Saidina ‘Uthmān r.a. membuka ruang keberangkalian pada penulisan mushaf itu. Pandangan yang terpilih adalah pandangan pertama. Adapun pada lafaz yang berbeza pada penulisan yang satu (terdapat sedikit dalam Al-Quran) maka mungkin persoalan timbul di sini: Bagaimana datangnya qiraat yang pelbagai ini jika Mushaf ‘Uthmānī ditulis dalam lajha yang satu sahaja?

Sesungguhnya huruf ini adalah bahasa, qiraat pula adalah cara menyebut seperti *mad*, *idgham*, *izhar* dan sebagainya tidak di khususkan pada dialek tertentu. Huruf ini merupakan cara yang sama digunakan oleh dialek yang pelbagai. Maka alat dan gaya bahasa yang pelbagai seperti *taqdim*, *ta’khir*, *harakat*, kesemua ini boleh didapati dalam qiraat ini. Boleh jadi diantara qiraat ini terdapat perbezaan disebabkan subjeknya, tetapi bukan bermaksud keduanya daripada bahasa yang berlainan membawa makna yang satu, tetapi keduanya adalah bahasa arab, keduanya membawa faedah dan makna yang berbeza.

Kesimpulan pandangan ini; Dr. Faḍal lebih cenderung kepada pandangan penulisan mushaf ‘Uthmānī adalah dalam satu lajha sahaja. Ijtihad ini tidak bertentangan dengan keringanan yang disyariatkan kepada umat Islam untuk membaca Al-Quran dalam tujuh jenis lajha. Tema yang dibawa ini begitu penting kerana ia menjawab persoalan utama yang lahir pada diri pengkaji dan menutup ruang tuduhan dan serangan orientalis yang mengatakan tiada konsistensi dan autoriti dalam periwayatan Al-Quran. Pada bahagian ini jelas menunjukkan keperihatinan dan kecaknaan Dr. Faḍal Ḥasan terhadap kancah perdebatan yang pernah berlaku. Impak negatif, andai kata perbincangan sebegini luput dimamah zaman nescaya generasi kini dan akan datang berdepan krisis mempertahankan Al-Quran sedangkan musuh Islam sentiasa bersiap siaga merempuh benteng agama umat Islam.

5. *AḤRUF SAB‘AH* MENURUT DR. FAḌAL ḤASAN ‘ABBAS.

Dr. Faḍal memilih pandangan bahawa *Aḥruf Sab‘ah* ialah tujuh jenis qiraat. Qiraat menurut al-Zarkashī ialah: “Perbezaan lafaz-lafaz wahyu (Al-Quran) dari segi cara lafaz seperti *takhfif*, *tashdīd* dan lain-lain”. Perbezaan antara qiraat merupakan kepelbagaian bukan percanggahan. Sepertimana ditekankan sebelum ini, Dr. Faḍal kerap menengahkan isu yang menjadi permasalahan antara ilmuan dan merungkaikannya.

Beliau menyatakan dalam karyanya *Itqān al-Burhān*: “Sesiapa yang mengamati perbezaan pada qiraat akan mendapati ia berdasarkan dua sebab:

- i. Perbezaan pada dialek bahasa arab
- ii. Disebabkan ciri-ciri Al-Quran pada aspek kemukjizatannya.

Kesemua qiraat ini mempunyai makna yang tersendiri seolah-olah setiap qiraat itu ayat yang lain. Dalam memahami dimensi qiraat yang pelbagai ini seharusnya kita meneliti dimensi tersebut seperti:

- i. Dua qiraat membawa makna yang satu
- ii. Dua qiraat bawa makna yang berbeza, tetapi boleh digabungkan maknanya.
- iii. Dua qiraat membawa makna yang berbeza dan mustahil untuk menggabungkannya. Tetapi ini tidak bermaksud ia saling bercanggah.

Dalam memahami keharmonian yang boleh dibina, sayugia kita meneliti perbezaan yang ada pada qiraat. Contohnya: Firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim, ayat 46:

﴿وَقَدْ مَكَرُوا مَكْرَهُمْ وَعِنْدَ اللَّهِ مَكْرُهُمْ وَإِنْ كَانَ مَكْرُهُمْ لِتَزُولَ مِنْهُ الْجِبَالُ ۖ﴾

Maksudnya: «*Dan sesungguhnya mereka telah menjalankan rancangan jahat mereka (untuk menentang Islam), sedang di sisi Allah ada balasan bagi rancangan jahat mereka, walau rancangan jahat mereka itu, dapat melenyapkan gunung-ganang sekalipun (46)*»

Adapun qiraat yang lain bacaannya ialah: fathah pada lam yang pertama dan dhommah pada yang kedua (لَتَزُولُ). Para ulama’ telah berselisih pendapat tentang hala tuju kedua-dua qiraat ini.

Hala tuju yang terpilih ialah: penggunaan (ا) pada qiraat yang pertama membawa maksud penafian sepertimana banyak (ا) didalam Al-Quran digunakan untuk penafian:

- i. Al-Mulk ayat 20: *إِنَّ الْكَاذِبُونَ إِلَّا فِي غُرُورٍ*
- ii. Fatir ayat 23: *إِنَّ أَنْتَ إِلَّا نَذِيرٌ*
- iii. Fatir ayat 41: *إِنَّ اللَّهَ يُمْسِكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ أَنْ تَزُولَا ۗ*

Sebahagian ulama' pula berpandangan (ان) adalah dalam konteks pensyaratan, yang mana menjawab bagi premis syarat ini telah dihapuskan. Namun penulis memilih pandangan yang pertama bagi meneruskan penghujahan ini.

Kefahaman yang diperolehi menurut qiraat pertama ayat Ibrahim, 46 ini: “Biarapun tipu daya mereka licik, bukanlah kehebatannya sehingga mampu untuk memusnahkan bukit bakau”.

Seterusnya, qiraat yang kedua (لَتَزُولَ) ia adalah *rafa* ‘ (berbaris di hadapan) dengan *fi ‘il mudāri* ‘ (sesuatu perbuatan yang lepas). (ان) dalam ayat ini pula boleh membawa kepada *mukhaffafah min thaqilah* (diringankan dari yang lebih berat) atau (ان) penafian bergantung kepada *lam al-Fāriqah*. Perbezaannya, seperti yang kita ketahui mukhaffafah min thaqilah membawa faedah penegasan dan (ان) penafian membawa faedah penafian. *mukhaffafah min thaqilah* membawa faedah penegasan apabila digandingkan dengan *lam al-Fāriqah* sepertimana firman Allah SWT dalam Surah Al-A‘rāf ayat 102:

﴿وَمَا وَجَدْنَا لِأَكْثَرِهِمْ مِنْ عَهْدٍ وَإِنْ وَجَدْنَا أَكْثَرَهُمْ لَفَاسِقِينَ ۗ ١٠٢﴾

Maksudnya: «Dan Kami tidak mendapati bagi kebanyakan mereka sebarang janji (yang ditepati), dan Kami tidak mendapati kebanyakan mereka melainkan orang-orang yang fasik (102) »

Jika kita mentadabbur ayat ini kita akan mendapati tidak wajar (ان) yang digunakan di sini adalah untuk penafian. Kita akan mendapati (ان) digandingkan dengan *lam (لَفَاسِقِينَ)* yang membawa maksud penegasan. Justeru, seolah-olahnya berlaku pertembungan tafsiran dari kedua-dua qiraat ini kerana:

(لَتَزُولَ) (*lam* berbaris bawah) : Biarapun tipu daya mereka licik, bukanlah kehebatannya sehingga mampu untuk memusnahkan bukit bakau”.

(لَتُرْوَى) (*lam* berbaris atas): Tipu daya mereka begitu licik sehingga mampu untuk memusnahkan bukit bakau. Maka bukankah disini telah terjadi pertembungan?

Memahami pertembungan ini Dr. Faḍl telah mendatangkan pencerahan yang amat memberi manfaat kepada umat Islam.

- i. (لَتُرْوَى): Bukit yang dimaksudkan dalam qiraat ini adalah *majāzī* (perumpamaan) seolah-olah Allah berfirman: Tidaklah tipu daya mereka itu mampu untuk memusnahkan bukit-bukit kamu wahai orang yang beriman. Bukit yang dimaksudkan disini ialah aqidah dan prinsip orang beriman. Hal ini kerana iman pada hati mereka lebih teguh dan ampuh daripada bukit bakau di bumi.
- ii. (لَتُرْوَى): Adapun bukit yang dimaksudkan di sini adalah bukit pada hakikatnya.

Justeru, qiraat yang pertama ialah bagi memberi ketenangan kepada orang mukmin bahawasanya tipu daya mereka itu tidak mampu menggugat. Manakala qiraat yang kedua merupakan amaran kepada orang mukmin tentang tipu daya kerana tipu daya mereka begitu dahsyat sehingga mampu memusnahkan bukit bakau.

Sungguhpun kedua qiraat ini tidak mampu untuk digabungkan keduanya, kedua qiraat ini langsung tidak bercanggah. Bahkan tujuannya adalah satu, iaitu memberi galakkan kepada orang mukmin dan memberi amaran. Dr. Faḍl tidak menyatakan mana-mana sumber pandangan dalam perbahasan ini menunjukkan kesimpulan yang dinyatakan beliau adalah hasil ijtihad beliau sendiri.

6. KESIMPULAN

Dialek ialah cara mengungkapkan perkataan kepada pendengar. Kaum yang memiliki dialek tersendiri akan mendapati kesukaran untuk bertutur dengan dialek kaum lain. Disebabkan kesukaran ini Nabi Muhammad SAW telah memohon agar diberi kemudahan maka lahirlah cara baca yang berbeza untuk Al-Quran. Perbahasan *Aḥruf Sab‘ah* merupakan perbahasan yang telah dititik beratkan oleh para alim ulama kerana ia berkait rapat dengan kewibawaan Al-Quran dan wahyu yang menjadi panduan buat seluruh umat Islam. Ignác Goldziher (1971) adalah salah seorang orientalis yang berpendapat Al-Quran telah diubah selepas kewafatan baginda Nabi agar kandungannya kekal relevan. Ignác menggunakan hujah kewujudan *aḥruf*

sab'ah merupakan bukti autoriti Al-Quran adalah diragui. Dalam dunia tanpa sempadan kini, wajar buat seluruh umat Islam untuk mengetahui perkara asas perbahasan ini dan sumbangan para alim ulama yang sentiasa memacu pemahaman. Karya Dr. Faḍl Ḥasan ʿAbbas dan metodologi beliau wajar dikaji dan diterapkan agar khazanah ilmu ini terus terjaga. Hasil kajian ini menunjukkan penulisan beliau yang bersistematik, bahasa yang digunakan ringan dan tersusun, kecaknaan dan keprihatinan terhadap perkara yang boleh menggugat kewibawaan Al-Quran dan menjawab isu itu sebaiknya, keluasan ilmunya membolehkan beliau menyatakan pandangan pelbagai ulama dalam sesuatu permasalahan dan akhir sekali, beliau tidak kekok untuk menyatakan ijtihad beliau sendiri pada sesetengah perkara dalam merungkai polemik.

RUJUKAN

Al-Quran

- ʿAbd al-Raḥmān Ibn Abū Bakar al-Suyūṭī. (2008). *Al-Itqān Fī ʿUlūm Al-Quran*, Saʿudi: al-Awqāf al-Saʿudiyyah.
- Abū Bakar Ibn ʿArabī. (2003). *Aḥkām Al-Quran*, Beirut: Dār al-Kitāb al-ʿIlmiyyah.
- Al-Qurtubī Muḥammad Ibn Aḥmad. (2006). *Al-Jāmiʿ Li Aḥkām Al-Quran*, Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Faḍl Ḥasan ʿAbbas. (1997). *Itqān al-Burhān fī ʿUlūm Al-Quran*, Irbid: Dār al-Furqān.
- Ibn ʿAbd al-Barr Yūsuf Ibn ʿAbdullah. (2009). *Al-Tamhīd Limā fī al-Muwattaʿ*, Maghribi: Wizārah al-Awqāf wa Shuʿūn al-Islām.
- Ibn ʿAṭiyyah ʿAbd al-Haq Ibn Ghalib. (2010). *Tafsir Ibn ʿAṭiyyah*, Riyadh: Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn Jazarī Muḥammad Ibn Muḥammad. (2000). *Al-Durrah al-Mudiyyah*, Algeria: Dār al-Huda.
- Ibn Qutaybah Muḥammad ʿAbdullah Ibn Muslim. (2010). *Taʿwil Mushkil Al-Quran*, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ignác Goldziher. (1971) *Muslim studies*, London: Allen and Unwin.
- Mannaʿ al-Qaṭṭān (1992) *Mabāhith fī ʿUlūm al-Hadith*, Kaheerah: Maktabah Wahbah.
- Ṭāhir Ibn Salih al-Jazaʿiri. (1992) *al-Tibyan Li Baʿṭhi Mabahith*, Beirut: Dār al-Bashāʿir al-Islamiyyah.